

**MAHATHIR-AKHBAR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 8.30 MALAM INI)**

KUALA LUMPUR, 20 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENEGASKAN PERLUNYA AKHBAR-AKHBAR DIKUASAI OLEH ORANG-ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB SUPAYA TIDAK TERSIAR LAPORAN-LAPORAN YANG BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH KERANA MEMANDANGKAN AKHBAR BEGITU BERPENGARUH, MAKA AMATLAH PENTING IA DIKUASAI OLEH ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA.

KATANYA APATAH LAGI AKHBAR SEBAGAI ALAT YANG BERPENGARUH BOLEH MEMILIH SAMA ADA UNTUK MENGEMUDI NEGARA KE ARAH KEMAJUAN ATAUPUN MEMBAWANYA KEPADA KEHANCURAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERUCAP PADA MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH MENARTAWAN MALAYSIA BAGI TAHUN 1985 ANJURAN INSTITUT AKHBAR MALAYSIA DI HOTEL HILTON DI SINI.

YANG TURUT HADIR DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM SELAKU PENAUNG MALAM ITU.

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR AKHBAR MUNGKIN PERLU MEMBUAT PENDEDAHAN TENTANG PENYELEWENGAN KERAJAAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA TETAPI KEBENARAN PERKARA YANG HENDAK DIDEPAHKAN HARUS DITENTUKAN DAHULU. -- LAGI.

1803MST 20 08 86

**MAHATHIR-AKHBAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)**

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT SEBAGAI CONTOH SEBUAH LAPORAN AKHBAR BARU-BARU INI MENGENAI KEMUNGKINAN BELIAU AKAN BERSARA PADA 28 OGOS.

SAMBIL MENYATAKAN ASAS LAPORAN ITU IALAH BERITA ANGIN, BELIAU MENEGASKAN BERITA SEUMPAMA ITU MENIMBULKAN KETEGANGAN SERTA KEGELISAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT DI SAMPING MEMPUYAI KESAN BURUK KEPADA SUASANA PERNIAGAAN.

+PERBUATAN MELAPOR BERITA ANGIN SEPerti INI MERUPAKAN SABOTAJ EKONOMI KEPADA NEGARA YANG SEDANG MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI.

+PERBUATAN INI PERBUATAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. IA MENUNJUKKAN BAHAWA ORANG YANG BERKUASA DALAM AKHBAR INI TIDAK LAYAK DIANUGERAH KUASA YANG BEGITU KUAT.+

BELIAU JUGA BERKATA TERDAPAT DAKWAAN OLEH SESETENGAH STOKBROKER BAHAWA SEBILANGAN PELANGGAN MEREKA TELAH BERTARUH YANG BELIAU AKAN MELETAKKAN JAWATAN DENGAN BEBERAPA SYARAT.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MEMPUYAI POTENSI MENJADI NEGARA MAJU SETARAF DENGAN NEGARA MAJU LAIN DAN BEGITU JUGA NEGARA MEMPUYAI POTENSI UNTUK HANCUR. -- LAGI

2306MST 20 08 86

U B627 AAB

MAHATHIR-AKHBAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SAMA ADA MEMPUNYAI POTENSI UNTUK MAJU ATAU UNTUK HANCUR MENGUASA NEGARA INI ADALAH PILIHAN RAKYAT SENDIRI, KATANYA.

BELIAU YAKIN TIDAK SEORANG PUN DI NEGARA INI YANG INGIN MELIHAT NEGARANYA HANCUR TETAPI MALANGNYA SEMENTARA MEREKA TIDAK INGINKAN KEHANCURAN, MEREKA TIDAK MEMPERHITUNG KESAN-KESAN PERBUATAN MEREKA SENDIRI.

DI SINILAH, KATANYA, PERLUNYA DIFIKIRKAN TENTANG PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH AKHBAR SEBAGAI ALAT YANG BEGITU BERPENGARUH.

MAJU-MUNDURNYA SESUATU BANGSA ATAU NEGARA TIDAK DISEBABKAN OLEH KERAJAAN YANG MEMERINTAH SAHAJA, TETAPI SEMUA PIHAK BERPERANAN TERMASUK AKHBAR YANG TENTUNYA MENJADI PEMAIN YANG UTAMA, TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BAHARU SAHAJA SELESAI MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM DAN SEPERTI BIASA ADA KERUSI-KERUSI YANG DIMENANGI OLEH PARTI PEMBANGKANG. -- LAGI.

1814MST 20 08 86

D346

U B628 AAB

MAHATHIR-AKHBAR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

LAZIMNYA BERMACAM-MACAM PENDAPAT DARIPADA BERBAGAI-BAGAI PIHAK TELAH DILAHIRKAN MELALUI UCAPAN, KENYATAAN, MANIFESTO DAN SALURAN-SALURAN LAIN YANG SUKA ATAU TIDAK SUKA TIDAK SEMUANYA DAPAT DISIARKAN OLEH AKHBAR-AKHBAR.

KATANYA WALAUPUN DI MALAYSIA ADA BEBERAPA AKHBAR YANG MEMILIH UNTUK MENGECEM KERAJAAN TETAPI INI TIDAK DIAMBIL KIRA.

BAGI MEREKA YANG TIDAK SENANG HATI DENGAN NEGARA INI, MEREKA LEBIH SUKA MENARIK PERHATIAN KEPADA BERITA-BERITA YANG MENYOKONG KERAJAAN SAHAJA -- SEOLAH-OLAH AKHBAR TIDAK AKAN MENJADI AKHBAR JIKA IA MENYOKONG KERAJAAN, UJARNYA.

KATANYA GOLONGAN ITU JUGA MENDAKWA BAHAWA KERAJAAN MENYOKONG AKHBAR DI MALAYSIA SEMENTARA PENULIS-PENULIS TEMPATAN YANG HENDAK BERMUKA-MUKA DENGAN MEREKA PUN TURUT MENGECEM KERAJAAN SENDIRI.

AMATLAH MEMALUKAN KERANA MASIH ADA ORANG MALAYSIA YANG MEMPUNYAI +RASA RENDAH DIRI+ DAN PERCAYA ORANG PUTIH SEMUA BETUL DAN BANGSA SENDIRI PERLU MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DARIPADA MEREKA, KATANYA. -- LAGI.

1818MST 20 08 86

U B633 AAB

MAHATHIR-AKHBAR 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA SEMUA MEDIA DIKONGKONG OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU TERMASUK KEBANYAKAN MEDIA ANTARABANGSA YANG TERKENAL.

KATANYA MEDIA-MEDIA ITU DIKUASAI OLEH ORANG-ORANG YAHUDI SAMA ADA SEBAGAI PEMILIK ATAU MEMEGANG JAWATAN PENTING TERMASUK SEBAGAI EDITOR DAN WARTAWAN, YANG KINI MENJADI WARGA NEGARA BANYAK NEGARA BARAT.

AKIBATNYA AKHBAR-AKHBAR INI TIDAK LAGI BEBAS TETAPI TERPAKSA TUNDUK KEPADA KEPENTINGAN ZIONIS.

+JELASLAH BAHAWA AKHBAR ASING INI LEBIH TERTEKAN OLEH KUASA ZIONIS DARIPADA AKHBAR MALAYSIA YANG DIKUASAI OLEH KERAJAAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKHBAR TIDAK PERNAH BEBAS WALAUPUN DI AMERIKA SYARIKAT, DARI MANA DATANGNYA BANYAK WARTAWAN YANG MENGGKRITIK KERAJAAN MALAYSIA YANG KONONNYA MENGONGKONG AKHBAR.

-- LAGI.

1837MST 20 08 86

U B634 AAB

MAHATHIR-AKHBAR 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

YANG PENTING, JELAS BELIAU, BUKANLAH AKHBAR BEBAS ATAU TIDAK TETAPI APAKAH ALAT YANG BEGINI BERKESAN DIGUNAKAN UNTUK KEBAIKAN.

JIKA KEBAIKAN AKAN DICAPAI DENGAN MENJATUHKAN KERAJAAN MAKA AKHBAR PATUTLAH MENYUMBANG KE ARAH MATLAMAT INI.

TETAPI, TAMBAHNYA, SEBELUM MENYERTAI USAHA MENJATUHKAN KERAJAAN YANG ADA SOAL YANG PERLU DIJAWAB IALAH APAKAH KERAJAAN YANG AKAN MENGGANTINYA AKAN MENJADI LEBIH BAIK?

+JIKA KITA BELUM BOLEH YAKIN BAHAWA KERAJAAN YANG AKAN MENGGANTIKAN LEBIH BAIK, ELOKLAH KITA TIDAK DENGAN SENGAJA MEMBURUK-BURUKKAN ATAU MENGHALANG USAHA KERAJAAN YANG SEDIA ADA.+

KATANYA AKHBAR DENGAN PENGARUHNYA BOLEH MEMBUAT KRITIK YANG MEMBINA DAN LEBIH BANYAK KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIPEROLEH DARIPADA USAHA INI DARIPADA SENGAJA BERSIKAP SINIS DAN MEMBUAT KRITIK KERANA SUKA MENGGKRITIK. -- LAGI

1841MST 20 08 86

D361

U B636 AAB

MAHATHIR-AKHBAR 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+PADA WAKTU INI, SETELAH SELESAI PILIHAN RAYA, KERAJAAN PERLU MENUMPUKAN SEGALA TENAGA, FIKIRAN DAN WANG RINGGIT YANG TERHAD KEPADA MENGATASI BEBERAPA MASALAH BESAR.

JIKA SETIAP USAHA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN DIGANGGU OLEH KRITIK YANG TIDAK MEMBINA, ATAU SENGAJA DISALAHTAFSIRKAN, MAKA KITA TIDAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN. AKHIRNYA RAKYAT DAN NEGARA JUGA YANG AKAN MENERIMA KESAN BURUKNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA INI BUKANLAH RAYUAN ATAU UGUTAN TETAPI PENDAPAT PERIBADINYA YANG LAHIR DARIPADA KESEDIHAN MELIHAT BEBERAPA AKHBAR DALAM NEGERI YANG TERBAWA-BAWA DENGAN ALIRAN BARAT TENTANG KEBEBASAN AKHBAR SEHINGGA TIDAK LAGI PEDULI AKAN KESAN BURUK TERHADAP NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBILANGAN MASYARAKAT TELAH MENGGESA KERAJAAN AGAR TIDAK MENGENAKAN BERMACAM-MACAM PERATURAN YANG MENGANGGU KEBEBASAN RAKYAT.

KATANYA KERAJAAN SEBENARNYA TIDAK INGIN MENGATUR PERJALANAN MASYARAKAT KERANA LEBIH BANYAK PERATURAN, LEBIH BERAT BEBAN KERAJAAN. -- LAGI.

1844MST 20 08 86

U B637 AAB

MAHATHIR-AKHBAR 8 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MALANGNYA BANYAK DARIPADA MEREKA YANG SEPATUTNYA LURUS DAN BERTANGGUNGJAWAB DIDAPATI TIDAK LURUS DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. MEREKA MENYALAHGUNAKAN APA JUGA KUASA YANG ADA PADA MEREKA.

+SEBAB ITU DUIT BANK-BANK DAN KOPERASI-KOPERASI, SAHAM SYARIKAT, PERMIT PERNIAGAAN DAN LAIN-LAIN LAGI DISELEWENGGAN DENGAN BEGITU MUDAH DAN KERAP. KERANA MEREKA INI, ORANG LAIN TURUT MENJADI MANGSA.

+SAYA PERCAYA KALAU KITA AMALKAN KELONGGARAN PERATURAN SECARA MELUAS DI NEGARA INI, HURU-HARA AKAN BERLAKU.

+SEBAB ITU KALAU ADA SEDIKIT SEBANYAK ATURAN-ATURAN TERMASUKLAH DALAM BIDANG SURAT KHBAR, LEBIH BAIKLAH JIKA KITA TERIMA DAN SESUAIKAN DIRI DENGANNYA.+ -- BERNAMA

1848MST 20 08 86